

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

KAWASAN : HULU LANGAT

TARIKH : 19 OKTOBER 2015 (ISNIN)

NO. SOALAN : ~~21~~ 30

YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:

- (a) adakah masih ada insentif sama ada bentuk cukai atau gran pembangunan dalam pengeluaran kereta hibrid atau elektrik; dan
- (b) pengeluar kereta selain dari Proton yang bersama-sama mengeluarkan kereta hibrid dan elektrik dalam menjayakan hasrat Malaysia sebagai Hub Teknologi Hijau.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Selaras dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai hab kategori kenderaan bertenaga efisien (EEV) seperti hibrid dan elektrik menjelang tahun 2020, Kerajaan menawarkan beberapa insentif untuk menggalakkan rakyat Malaysia beralih kepada kenderaan-kenderaan tersebut. Antara insentif yang ditawarkan termasuk pengecualian duti import dan eksais ke atas pengimportan kenderaan hibrid dan elektrik secara CBU (*completely built-up*).

Selain itu, di bawah Dasar Automotif Nasional (*National Automotive Policy - NAP*) 2014, Kerajaan juga menyediakan insentif cukai bagi kenderaan hibrid dan elektrik yang dipasang secara tempatan (CKD) di samping insentif-insentif *customised* yang lain.

Pemberian insentif *customised* ini antara lain adalah berdasarkan tahap pelaburan strategik oleh syarikat yang meliputi nilai pelaburan, jumlah pengeluaran, pemindahan teknologi, aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembangunan rantaian bekalan, peluang pekerjaan dan jumlah eksport.

Namun demikian, pemberian insentif cukai sahaja tidak semestinya menggalakkan pemilikan kenderaan hibrid dan elektrik di kalangan rakyat Malaysia tanpa infrastruktur yang sangat diperlukan, terutamanya kemudahan bagi mengecas bateri kenderaan hibrid jenis, dengan izin, *plug-in* dan juga kenderaan elektrik.

Bagi tujuan ini, Kerajaan melalui Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) sedang bekerjasama dengan syarikat-syarikat pengeluar kenderaan untuk membina beberapa stesen pengecas bagi kenderaan hibrid dan elektrik bagi menyokong kajian teknologi dan kawal selia kenderaan hibrid dan elektrik serta tingkah laku pengguna bagi mengumpul data-data teknikal.

Di bawah NAP 2014, Kerajaan juga menyediakan insentif dalam bentuk pinjaman mudah bagi pembangunan infrastruktur untuk kenderaan EEV serta program promosi dan kesedaran. Pembangunan kemudahan infrastruktur bagi menyokong penggunaan kenderaan hibrid dan elektrik ini dijangka dapat menggalakkan lagi rakyat Malaysia untuk memiliki lebih banyak kenderaan mesra alam sekitar pada masa akan datang.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain PROTON, terdapat juga syarikat-syarikat lain yang telah memperkenalkan beberapa model hibrid untuk pasaran tempatan. Antara syarikat-syarikat tersebut adalah Honda, Toyota, Mercedes, BMW, Nissan, Renault dan lain-lain lagi.

Apa yang lebih memberangsangkan adalah, terdapat juga model-model yang dipasang di Malaysia seperti Honda Jazz Hybrid, Toyota Camry Hybrid, Mercedes S Class Hybrid dan juga Nissan Serena Hybrid.